

23/09/1999

Yang di-Pertuan Agong ke-11 ditabal hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj akan berlangsung esok di Balairong Seri, Istana Negara di sini dengan penuh istiadat kebesaran diraja.

Istiadat itu akan disaksikan oleh Raja-Raja Melayu; Yang Dipertua Negeri; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; menteri-menteri Kabinet dan wakil negara asing.

Turut berangkat menyaksikan istiadat itu ialah Putera Mahkota Brunei Darussalam yang mewakili Sultan Brunei, Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Sultan Hassanal Bolkihah.

Istiadat pertabalan itu akan berlangsung dalam suasana gilang gemilang dengan iringan nobat yang menjadi ciri utama dalam mana-mana istiadat pertabalan Raja-Raja Melayu sejak zaman berzaman.

Pada istiadat pertabalan itu, keris kerajaan akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum Seri Paduka melafazkan ikrar jawatan. Laungan Daulat Tuanku dan tembakan meriam 21 das akan menandakan pertabalan disempurnakan.

Sultan Salahuddin, 74, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 26 April lalu oleh Raja-Raja Melayu bagi menggantikan Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang tamat tempoh pemerintahan pada 25 April lalu.

Pada sebelah petang, Seri Paduka akan berangkat merasmikan pameran Raja Kita di Muzium Negara, sebelum menghadiri majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Negara.

Sementara itu, Pos Malaysia mengeluarkan setem kenang-kenangan sempena hari pertabalan, selain sampul surat hari pertama berterakan perak bersalut emas dengan kerjasama Royal Selangor.

Sampul surat berharga RM135 itu boleh didapati di semua bilik pameran Royal Selangor di seluruh negara dan ibu pejabat Pos Malaysia serta Pos 2020 mulai esok.

(END)